



**PERAKUAN UNTUK DITANDATANGANI OLEH
MEREKA YANG BUKAN PENJAWAT AWAM /
PAKAR PERUNDING BERKENAAN DENGAN
KATA RAHSIA RASMI 1972 (AKTA 88)**



Adalah saya dengan ini mengaku bahawa perhatian saya telah ditarik kepada peruntukan-peruntukan **Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88)** dan bahawa saya faham dengan sepenuhnya akan segala yang dimaksudkan dalam Akta ini. Khususnya saya faham bahawa menyampaikan, menggunakan atau menyimpan dengan salah, sesuatu benda rahsia Kerajaan, tidak menjaga dengan cara yang berpatutan sesuatu rahsia atau apa-apa tingkah laku yang membahayakan keselamatan atau rahsia sesuatu benda rahsia adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Akta tersebut, yang boleh dihukum maksimum penjara seumur hidup.

Saya faham bahawa sebagai kakitangan syarikat kontraktor atau subkontraktor dengan Kerajaan Malaysia, segala rahsia rasmi yang saya perolehi dalam perkhidmatan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong atau perkhidmatan mana-mana Kerajaan dalam Malaysia, adalah milik Kerajaan dan tidak akan membocorkan, menyiarkan atau menyampaikan, sama ada secara lisan, bertulis atau dengan cara elektronik kepada sesiapa jua dalam apa-apa bentuk, kecuali pada masa menjalankan kewajipan-kewajipan rasmi saya, sama ada dalam masa atau selepas perkhidmatan saya dengan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong atau dengan mana-mana Kerajaan dalam Malaysia dengan tidak terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis pihak berkuasa yang berkenaan. Saya berjanji dan mengaku akan menandatangani suatu akuan selanjutnya bagi maksud ini apabila meninggalkan Perkhidmatan Kontraktor Kerajaan.

Tandatangan:..... Tarikh:

Nama(Huruf Besar):.....

No.Kad Pengenalan:.....Jawatan:.....

Jabatan/Organisasi:.....

Disaksikan Oleh:

Tandatangan:..... Tarikh:

Nama(Huruf Besar):.....

No.Kad Pengenalan:.....Jawatan:.....

Jabatan/Organisasi:.....**Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM**.....

Cop Jabatan/Organisasi: